

VARIA

ORGANISASI pembangunan hartanah dan pengurusan aset terkemuka di Malaysia, UDA Holdings Bhd (UDA) menerusi projek mega Bukit Bintang City Centre (BBCC) menerima kunjungan daripada peserta World Urban Forum 9 (WUF9) di Galeri BBCC, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kunjungan yang terdiri daripada delegasi antarabangsa itu berlangsung sewaktu negara menjadi tuan rumah bagi WUF9.

Kunjungan yang berlangsung selama dua hari itu lebih 80 peserta dari seluruh dunia antaranya Peru, Indonesia, New Zealand, Mali, Iran, Jerman dan Vietnam.

Lawatan yang diberi nama Kunjungan Teknikal itu adalah sebahagian pengisian WUF9 selain aktiviti dialog, perjumpaan meja bulat dan membina rangkaian.

BBCC dipilih sebagai Kunjungan Teknikal laluan empat yang memfokuskan pada pembangunan semula di Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Bahagian Perniagaan 7 Legasi, Datuk Nordin Murat berkata,



NORDIN (Kiri) menunjukkan replika pembangunan Greater Kuala Lumpur kepada delegasi WUF9 di Galeri BBCC, Kuala Lumpur baru-baru ini.



MENGINDAHKAN Sungai Klang merupakan salah satu projek Greater Kuala Lumpur. – Gambar hiasan

WUF9 lawat Galeri BBCC

pihaknya bertuah kerana projek mega hasil usaha sama dengan Eco World Development Group Bhd. dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terpilih sebagai salah satu Kunjungan Teknikal.

“Kami ingin berterima kasih kepada Kementerian

Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana memberi peluang dan kepercayaan menjadi tuan rumah bagi kunjungan ini,” katanya dalam satu kenyataan akhbar baru-baru ini.

Kunjungan tersebut turut

disertai delegasi dari Belgium yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Luar Negeri, Kare Stomark dan Timbalan Ketua Kabinet, Thomas Allegaert.

Menurut Nordin, BBCC dengan jumlah kawasan binaan kasar seluas 6.7 juta kaki persegi dan nilai pembangunan kasar sebanyak RM8.7 bilion berjaya menarik perhatian syarikat global.

Jelasnya, dia yakin BBCC mempunyai segalanya dalam menjadi pusat bagi pembangunan Greater Kuala Lumpur.